

Anugerah DUTA 2023



Labuan, 6 Disember 2023 – Anugerah DUTA 2023 (Digital Utilisation and Technology Awards) Peringkat negeri telah diadakan di Auditorium Institut Latihan Perindustrian Labuan. Majlis yang diadakan secara tahunan ini telah disertai oleh 11 buah sekolah menengah dan 17 buah sekolah rendah. Majlis pada tahun ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan W.P Labuan Encik Yahya bin Ahmad Puteh

Dalam ucapannya perasmiannya, Encik Yahya bin Ahmad Puteh berkata, budaya inovasi hendaklah diberi keutamaan untuk membawa perubahan dan pembaharuan dalam sesuatu organisasi. Hal ini memberi nilai tambah positif kepada usaha ke arah pengajaran dan pemudahcaraan berkesan dan dinamik ke arah transformasi yang berterusan. Guru mestilah memainkan peranan dan bertanggungjawab yang amat penting dalam tonggak kemajuan murid-murid. Dalam bidang ICT pula, fokus adalah kepada inisiatif pembestarian sekolah dan pengukuhan pembelajaran DIGITAL atau DIGITAL LEARNING. Tambah beliau :

Aktiviti Asas Literasi Maklumat merupakan proses

pembelajaran sepanjang hayat melalui kaedah pembelajaran. Program Nilam khususnya perlu dilestarikan dan dilaksanakan secara berterusan. Pusat Sumber Sekolah mestilah dilibatkan secara langsung dalam aktiviti penghasilan bahan pembelajaran digital. Pelancaran TVPSS yang akan menjadi pemangkin digitalisasi di peringkat sekolah dan bakat-bakat pelajar terserlah contohnya dalam bidang pengacaraan, bidang kewartawanan, merakam video dan sebagainya.



Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan W.P Labuan Encik Yahya bin Ahmad Puteh Majlis Anugerah Digital Utilisation and Technology Award (DUTA) Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2023 merupakan salah satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh pihak sekolah, para guru dan murid-murid yang cemerlang dalam usaha untuk melestarikan pembudayaan pendigitalan sekolah yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara seterusnya melahirkan anak-anak yang baik lagi cerdas.

Sementara itu dalam ucapan alu-aluan , Ketua Penolong Pengarah Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP) Encik

Mohammad bin Pindut berkata bahawa pendidikan digital memainkan peranan penting dalam pembangunan modal Insan negara. Hasrat negara terletak di bahu kita untuk membantu melahirkan murid-murid celik dan fasih digital yang berupaya menggunakan teknologi digital secara kreatif dan inovatif untuk menyelesaikan masalah, meningkatkan keberkesanan komunikasi dan menghasilkan inovasi.



Bacaan ikrar oleh barisan pentadbir sekolah dan penerima anugerah Majlis Anugerah DUTA 2023

Pada tahun ini sebanyak 179 hadiah untuk anugerah telah disampaikan dalam majlis ini merangkumi kluster Anugerah Anugerah NILAM , Pertandingan Bicara Buku, Pertandingan Pengkarya Muda, Pertandingan Video Kreatif, Pertandingan Digital Story Telling, Pemerksaan Pendidikan Digital, Pembudayaan DELIMA, TVPSS , Pengurusan Sumber & Teknologi Pendidikan dan Anugerah Khas & Ikon.

Anugerah Emas merupakan hadiah utama Digital Utilisation and Technology Awards peringkat negeri W.P Labuan 2023. Pada tahun ini kategori Sekolah Menengah dan PPKI telah dimenangi oleh SSN Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara

dan Sekolah Rendah dimenangi oleh Sekolah Kebangsaan Pekan 2. Turut hadir memeriahkan majlis ini ialah ketua-ketua sektor , pegawai jabatan dan semua pengetua serta guru besar sekolah menengah dan rendah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Berita Oleh : Cikgu Sapri, SMK Ranca-Ranca



Nasrullah bin Hanudin Naib Johan Ikon Pengawas Pusat Sumber Peringkat Kebangsaan 2023